

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU.

Bil. (4) dlm. PT&G.Tr. 13/66/1 Jld 2.

K. Terengganu: 14hb. Februari, 1982.
Bersamaan: 20hb. R'Akhir, 1402.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 4/1982.

Pembahagian Harta Pesaka Kecil, 1955 Rayuan (Apil) Ke Mahkamah Tinggi.

Baru-baru ini terdapat beberapa kes apil pembahagian harta pesaka kecil yang diangkat kepada Pemungut Hasil Tanah oleh mereka yang terlibat dalam perbicaraan itu telah tidak diambil perjalanannya, manakala setengah-setengahnya pula mengambil perjalanannya sebegitu lama, malah sehingga sekarang pun masih belum dapat diselesaikan. Kejadian-kejadian seumpama ini amatlah menyulitkan dan bercanggah dengan Peraturan-peraturan yang ditetapkan.

2. Dalam hal ini Pemungut Hasil Tanah nampaknya tidak mematuhi kehendak Peraturan 10(2) 'The Small Estates (Distribution) Rules, 1955' yang mana menghendaki Pemungut Hasil Tanah menyediakan salinan rekod apil secukupnya dan kemudiannya memberi notis kepada yang merayu sebagaimana Peraturan 10(3) Peraturan yang sama supaya dikirimkan "Memorandum of Apil" kepada Pemungut Hasil Tanah-Pemungut Hasil Tanah di dalam 2 salinan untuk diambil perjalanannya seterusnya mengangkat ke Mahkamah Tinggi.

3. Dengan timbulnya kes-kes yang tersebut di atas ini maka berkemungkinan ada lagi kes-kes Apil perbicaraan Membahagi Harta Pusaka Kecil yang ketinggalan dan tidak diambil perjalanannya sewajarnya. Pemungut-pemungut Hasil Tanah dengan ini diarah untuk mengesan dan menyemak fail-fail dan rekod kes-kes apil yang ada ketinggalan di Pejabat Tanah dan mengambil perjalanannya serta merta bagi menyediakan rekod-rekod apil agar dapat dikemukakan di Mahkamah Tinggi dan rayuan tersebut dapat dibicarakan dan diputuskan.

* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA *

t.t.
(DATO' LELA JASA)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU.

s.k.
Pegawal Penyelesaian Pesaka Kecil, K. Terengganu,
Besut, Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu dan Marang.